

Headline	Hadiyah tilawah lebih lumayan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Apr 2015	Color	Black/white
Section	Setempat	Circulation	825,000
Page No	32	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	57 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,280
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,841



Hadiyah tilawah lebih lumayan

Hadiyah wang tunai yang ditawarkan menerusi tujuh kategori dalam Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Kali Ke-58 tidak lama lagi, lebih lumayan dengan tambahan RM34,000 iaitu sumbangan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Majlis yang dijadualkan berlangsung enam hari sehingga 25 April ini diadakan di Dewan Muktamar Pusat Islam, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi).

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

(Jakim) Datuk Othman Mustapha berkata, selain hadiah wang tunai, Proton Preve tajaan Tabung Haji masih kekal hadiah utama bagi Johan Qari dan Qariah.

Katanya, berbeza tahun sebelum ini, semua peserta diwajibkan membaca al-Quran secara bertaraf num dengan dua lagu yang ditetapkan pengajur secara berturut-turut dan ia hanya diketahui peserta ketika pengundian ayat.

"Pada penganjuran kali ini, kami menambah hadiah wang tunai kepada peserta," katanya.